



ANWAR (tengah) menyerahkan geran kandungan digital kepada wakil Shung Film Production Sdn Bhd selepas merasmikan Jelajah Malaysia Digital di Tawau, semalam.

PEMULANGAN 40 PERATUS HASIL SABAH

Kerajaan muktamad tuntutan hari ini

BERNAMA

Tawau

“Keputusan berkenaan tuntutan pemulangan hak 40 peratus hasil Sabah akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Khas Jemaah Menteri esok (hari ini),” kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan mendengar pandangan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang sebelum membuat keputusan sama ada memfailkan rayuan atau sebaliknya.

“Saya sudah panggil mesyuarat esok (hari ini). Kita dengar dulu penjelasan Peguam Negara, hendak rayu atau tidak, tunggu esok (hari ini). Bagi saya, kalau tidak rayu pun tidak mengape. Tetapi, keputusan

muktamad dibuat selepas kita dengar dan bincang bersama semua ahli Jemaah Menteri,” katanya ketika berucap pada program Jelajah Malaysia Digital di sini, semalam.

Anwar berkata, ada kekangan dan keterbatasan dalam isu berkenaan, namun berharap semua pihak memahami situasi itu.

“Soalnya, mahkamah arah untuk runding. Saya kata baik, kita akan runding. Tetapi, hari ini hendak runding dengan siapa? Kerana kerajaan sekarang hanya kerajaan sementara (*caretaker government*). Tunggu pilihan raya, selepas kerajaan baharu dibentuk, saya akan arahkan rundingan dimulakan segera,” katanya.

Turut hadir pada majlis

itu ialah Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Kewangan Sabah Datuk Seri Masidi Manjun.

Anwar turut menegaskan bahawa kerajaan pimpinannya sudah menyalurkan peruntukan yang lebih besar kepada Sabah berbanding pentadbiran terdahulu.

Beliau berkata, Sabah kini menerima peruntukan tahunan RM17 bilion, berbanding hasil yang dikutip Kerajaan Persekutuan di negeri itu iaitu kira-kira RM10 bilion setahun.

Anwar menegaskan bahawa dasar Kerajaan MADDANI sentiasa berpegang kepada prinsip keadilan untuk semua negeri termasuk komitmen memastikan Sabah terus diberikan ke-

utamaan dalam agenda pembangunan negara.

Beliau berkata, tidak wajar mana-mana pihak menunjukkan rasa tidak puas hati kerana Kerajaan MADDANI sudah membuktikan iltizam yang lebih jelas dalam melaksanakan hak Sabah seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Sementara itu, Perdana Menteri mengesahkan bahawa Mesyuarat Khas Jemaah Menteri hari ini tidak akan membincangkan berkenaan rombakan kabinet seperti yang diperkatakan.

Mengulas tindakan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick yang meletakkan jawatan, Anwar menyifatkan keputusan itu dibuat terlalu awal memandangkan kerajaan masih meneliti pelbagai aspek berkaitan isu pulangan 40 peratus hasil Sabah.

“
Selepas kerajaan
baharu dibentuk,
saya akan
arahkan rundingan
dimulakan
Anwar



ANWAR (tengah) menyerahkan geran kandungan digital kepada wakil Sjung Film Production Sdn Bhd selepas merasmikan Jelajah Malaysia Digital di Tawau, semalam.

PEMULANGAN 40 PERATUS HASIL SABAH

Kerajaan muktamad tuntutan hari ini

BERNAMA

Tawau

“Keputusan berkenaan tuntutan pemulangan hak 40 peratus hasil Sabah akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Khas Jemaah Menteri esok (hari ini),” kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan mendengar pandangan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang sebelum membuat keputusan sama ada memfailkan rayuan atau sebaliknya.

“Saya sudah panggil mesyuarat esok (hari ini). Kita dengar dulu penjelasan Peguam Negara, hendak rayu atau tidak, tunggu esok (hari ini). Bagi saya, kalau tidak rayu pun tidak mengapa. Tetapi, keputusan

muktamad dibuat selepas kita dengar dan bincang bersama semua ahli Jemaah Menteri,” katanya ketika berucap pada program Jelajah Malaysia Digital di sini, semalam.

Anwar berkata, ada kekangan dan keterbatasan dalam isu berkenaan, namun berharap semua pihak memahami situasi itu.

“Soulnya, mahkamah arah untuk runding. Saya kata baik, kita akan runding. Tetapi, hari ini hendak runding dengan siapa? Kerana kerajaan sekarang hanya kerajaan sementara *caretaker government*. Tunggu pilihan raya, selepas kerajaan baharu dibentuk, saya akan arahkan rundingan dimulakan segera,” katanya.

Turut hadir pada majlis

itu ialah Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Kewangan Sabah Datuk Seri Masidi Manjun.

Anwar turut menegaskan bahawa kerajaan pimpinannya sudah menyalurkan peruntukan yang lebih besar kepada Sabah berbanding pentadbiran terdahulu.

Beliau berkata, Sabah kini menerima peruntukan tahunan RM17 bilion, berbanding hasil yang dikutip Kerajaan Persekutuan di negeri itu iaitu kira-kira RM10 bilion setahun.

Anwar menegaskan bahawa dasar Kerajaan MADANI sentiasa berpegang kepada prinsip keadilan untuk semua negeri termasuk komitmen memastikan Sabah terus diberikan ke-

utamaan dalam agenda pembangunan negara.

Beliau berkata, tidak wajar mana-mana pihak menunjukkan rasa tidak puas hati kerana Kerajaan MADANI sudah membuktikan iltizam yang lebih jelas dalam melaksanakan hak Sabah seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Sementara itu, Perdana Menteri mengesahkan bahawa Mesyuarat Khas Jemaah Menteri hari ini tidak akan membincangkan berkenaan rombakan kabinet seperti yang diperkatakan.

Mengulas tindakan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedict yang meletakkan jawatan, Anwar menyifatkan keputusan itu dibuat terlalu awal memandangkan kerajaan masih meneliti pelbagai aspek berkaitan isu pulangan 40 peratus hasil Sabah.

“Selepas kerajaan baharu dibentuk, saya akan arahkan rundingan dimulakan”
Anwar

Kutip hasil RM10b, salur RM17b ke Sabah

Tawau: Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan mencecah RM17 bilion kepada Sabah, meskipun hasil kutipan cukai daripada negeri itu berjumlah kira-kira RM10 bilion setahun, sekali gus mencecah dakwaan bahawa kerajaan mengambil hasil Sabah tanpa memberi pulangan setimpal.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ber-

kata, angka itu jelas menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan MADANI dalam memperkasa pembangunan di negeri itu termasuk bidang kesihatan, infrastruktur dan kebajikan rakyat.

“Kerajaan ambil hasil RM10 bilion melalui sistem cukai, tapi bagi balik RM17 bilion kepada Sabah.

“Ini anak-anak muda kena tahu, bukan nak lagakan

orang Murut, Kadazan, Bugis, Suluk dan lain-lain, tapi untuk angkat martabat Sabah,” katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Blok Baharu Hospital Tawau, di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan turut melaksanakan pelbagai langkah memperkukuh sistem perkhidmatan awam termasuk menyelesaikan isu doktor kontrak.

Menurut beliau, hasil

kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), hampir keseluruhan masalah doktor kontrak berjaya diselesaikan, selain kerajaan menaikkan elaun tugas atas panggilan pegawai perubahan sebanyak 40 peratus sebagai langkah awal menambahkan skim perkhidmatan sektor kesihatan itu.

Govt to decide on appeal against 40% revenue ruling today



Anwar being greeted by hospital staff at the launch of Tawau Hospital's new block yesterday. — **BERNAMAPIC**

TAWAU: The federal government will decide at a special Cabinet meeting today whether to appeal the High Court ruling that Sabah is entitled to 40% of the revenue collected in the state, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said yesterday.

Anwar, who is also finance minister, said the government would first seek advice from the attorney-general before deciding on its next step.

"For me, it is acceptable even if we choose not to appeal.

"But the final decision will be made after consulting all Cabinet members," he said during the Malaysia Digital roadshow yesterday.

Anwar also acknowledged shortcomings and limitations in the matter but urged all parties to understand the situation.

"The court has directed us to negotiate, and I said that is acceptable. We will negotiate. But as of today, who do we negotiate with?

"The Sabah government is currently a caretaker government.

After the state election on Nov 29 and the formation of a new government, I will instruct that negotiations begin immediately."

Also present at the event were Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and Sabah Finance Minister Datuk Seri Masidi Manjun.

Anwar said his administration has allocated larger provisions to Sabah compared with previous governments.

He said Sabah now receives an annual allocation of RM17 billion while federal revenue collected in the state amounts to about RM10 billion a year.

"As prime minister, I raised special allocations to Sabah by RM600 million. But this is not final.

"The state government has requested additional funds and in the upcoming meeting, we will negotiate how much more can be allocated."

"If the Opposition keeps criticising us, I want to ask: 'What exactly are you angry about? Under the previous government, only

RM56 million was allocated. We increased it to RM600 million and yet you are still unhappy."

Anwar said the Madani government's policies have always upheld fairness for all states, including a firm commitment to ensuring that Sabah continues to receive priority in the national development agenda.

He said it was inappropriate for any party to express anger as the Madani government has shown a stronger and more consistent commitment to safeguarding Sabah's rights as enshrined in the Malaysia Agreement 1963.

Separately, Anwar confirmed that today's special Cabinet meeting would not discuss a much-rumoured Cabinet reshuffle.

On the resignation of Entrepreneur and Cooperatives Development Minister Datuk Ewon Benedick, he described the move as premature, adding that the government is still reviewing various aspects related to Sabah's 40% revenue issue. — **Bernama**

PM: Better ties will help boost Sabah facilities

TAWAU: Close cooperation between the Federal and state governments is vital in ensuring better public facility development, including the construction of hospitals for the people in Sabah, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said having elected representatives who truly care for the people's interests and understand the problems faced by the community is a crucial factor in ensuring the continuity of development.

“This cooperation is important. That is why my administration has, in the past three years said whatever has been delayed should be completed first,” he said when launching Tawau Hospital's new block.

He cited the project as among those that had been delayed for decades before finally being completed under this administration.

“We made it a priority to settle projects that were left unresolved for years,” he said.

The Prime Minister said the country's national development framework prioritises education and health as the most important

sectors, unlike many other countries that focused more on defence and mega projects.

He directed the Health Ministry to look into adding another 100 to 150 beds to the hospital, as its newly completed block is already close to full capacity despite being operational only recently.

“I was informed the capacity is almost full, even with the new block. So I have asked the ministry to consider adding more beds using existing allocation,” he said.

He said the completion of the RM223.65mil block – which adds 154 beds and brings the hospital's official capacity to 585 – marks a significant boost for healthcare access across the east coast of Sabah, particularly Tawau, Semporna, Kunak and Lahad Datu.

Tawau's upgraded hospital facilities now place it on par with major district hospitals elsewhere in Malaysia, he added.

“I am proud because our district hospitals, whether in Selangor, Kelantan or now Tawau are equipped with good facilities,” he said.

The Prime Minister praised the



Hello there: Anwar being greeted by the people upon his arrival at the launch of Tawau Hospital's new block. Also present is Dzulkefly (right). – Bernama

dedication of the hospital workforce, reminding them that quality of care ultimately relies on the people behind the facility.

“A hospital is only as good as the service it provides. From nurses and technicians to the cleaning and kitchen staff, every-

one plays a vital role in caring for patients,” he added.

Anwar said improving healthcare in rural and semi-urban communities remains a top priority as inadequate facilities place disproportionate strain on families.

Earlier, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the new block expands specialist services in cardiology, geriatrics and reconstructive plastic surgery, reducing the need for patients to seek treatment outside the district.

Peningkatan NCD lonjak permintaan hospital swasta

Rawatan penyakit tidak berjangkit tingkat perolehan kemudahan kesihatan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Hospital dan syarikat farmaseutikal di Malaysia kini mengalami ledakan permintaan pasca-pandemik, didorong oleh 'wabah' baharu iaitu Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang semakin meruncing.

Menurut laporan sektor kesihatan oleh MBSB Research, permintaan global dan tempatan untuk rawatan NCD dan ubat-ubatannya sedang meningkat tinggi.

Ini termasuk rawatan untuk kanser, diabetes dan obesiti. Bagi hospital swasta di Malaysia, penganalisis mengjangkakan mereka akan mengekalkan permintaan pesakit yang tinggi.

Tumpuan khusus adalah terhadap perkhidmatan mawar dan khusus seperti onkologi (rawatan kanser), kardiologi (rawatan jantung) dan rawatan kesuburan.

Trend penuaan populasi dan peningkatan kes NCD ini dilihat sebagai pemacu utama yang akan mengekalkan 'kegemilangan' sektor hospital swasta untuk jangka masa panjang.

MBSB Research menamakan IHH Healthcare Bhd (IHH), pemilik rangkaian hospital premium Pantai dan Gleneagles, sebagai



Peningkatan NCD menyebabkan khidmat rawatan di hospital swasta dapat permintaan tinggi. (Foto: ihsan)

penerima manfaat utama daripada trend ini.

IHH dinamakan sebagai salah satu 'Top Pick' untuk sektor ini. Kekuatan IHH terletak pada jenama premium dan kuasa harga yang dimilikinya.

Cabaran kos serius

Ini membolehkan syarikat itu memenuhi keperluan golongan kelas pertengahan yang semakin meningkat serta menarik pelancong perubatan, sekali gus melindungi daripada tekanan harga margin rendah.

Walaupun permintaan tinggi, sektor ini berdepan cabaran kos yang serius.

MBSB Research memberi ama-

ran tentang 'brain drain' atau pengaliran tenaga mahir, di mana doktor dan jururawat tempatan berhijrah ke pasaran berdagang lebih tinggi.

Situasi kekurangan bakat ini dijangka meningkatkan kos pengambilan pekerja dan menjadi penyumbang utama kepada inflasi perubatan, yang diramal melonjak sehingga 16 peratus menjelang 2026.

Bagi sektor farmaseutikal, MBSB Research turut memilih Pharmaniaga Bhd sebagai 'Top Pick'.

Syarikat itu menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang kukuh dan dijangka keluar daripada status PN-E.

Kekuatan Pharmaniaga ter-

letak pada pendapatan konsesi yang defensif dan stabil daripada kerajaan. Penganalisis juga melihat potensi tinggi penyambungan semula pembayaran dividen menjelang 2026.

Berbeza dengan hospital dan farmasi, sektor sarung tangan getah masih berpelut. Laporan itu mengesahkan margin keuntungan kekal nipis akibat lebihan bekalan, inflasi kos dan persaingan sengit daripada pengeluar asing.

Secara keseluruhannya, sektor kesihatan swasta kini dipacu oleh keperluan rawatan NCD yang kritikal, namun pengguna mungkin terpaksa berdepan kos yang lebih tinggi akibat inflasi perubatan.

Fun walk raises funds for breast cancer awareness

By MYSARA FAUZI
metro@thestar.com.my

OVER 600 participants taking part in the Breast Cancer Awareness Fun Walk at Sireh Park in Iskandar Puteri turned the 3km route into a sea of pink.

Families and corporate teams took part in the programme, which aimed to raise awareness of early detection and regular screening for breast cancer.

Each finisher received a commemorative pin badge at the event organised for the first time by Columbia Asia Hospital Iskandar Puteri in Johor.

Hospital chief executive officer Dr Ding Eng Li said funds were raised through participation fees of RM38 per person and from a week-long fund-raising campaign at the medical facility.

"All proceeds from the event were channelled to Yayasan Penyayang Iskandar Puteri and Breast Cancer Support Group to support ongoing education, emotional support and outreach programmes for patients and survivors.

"Apart from the fun walk, participants also enjoyed a lively morning filled with activities



Thestar 11/11/2025 MS/5

Suhaizan (in bucket hat) launching the Breast Cancer Awareness Fun Walk at Sireh Park in Iskandar Puteri.

including a Zumba session, basic health screening, booths, food trucks and a lucky draw.

"We initially opened 500 slots for the fun walk but more than 600 participants turned up."

Pulai MP Suhaizan Kayat, who launched and flagged off

the walk, commended the hospital for its dedication to community well-being.

"It is encouraging to see corporate and healthcare partners coming together for such a noble cause.

"Awareness and knowledge

about breast cancer are key in achieving early detection and better outcomes.

"This was not just an event but a reminder of the importance of supporting one another in the fight against cancer," he said.



Harga ubat, kos rawatan dijangka naik 16 peratus

Antara faktor yang mendorong kadar inflasi perubatan melonjak sehingga 16 peratus tahun depan disebabkan krisis 'brain drain' atau penghijrahan ketara tenaga mahir seperti doktor, jururawat dan pakar perubatan ke luar negara. Laporan analisis MBSB Research mendapati, ini membawa kepada meningkatnya kos pengambilan dan pengekalan bakat kakitangan sehingga hospital swasta terpaksa bersaing dengan tawarkan gaji lebih tinggi dan sebahagian kos dijangka dipindahkan kepada pesakit.

Oleh Mahamud Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad • Nasional 5, Bines 22



Tinjauan Super Flood - Weng yang memukul bandar Tapung, Wintan, Myanmar, menunjukkan kesan berkesan hujan lebat hari di kawasan ini. - Kiri: 1.19 bilion ke Timur Laut Kudat, Sabah. (Foto AFP)

Monsun Timur Laut

Lima hingga 7 episod hujan lebat berterusan diramal mulai Khamis ini hingga Mac 2026

Nasional 8

Polemik kembalikan UPSR, PT3

Nasional 6

"Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) juga sama kaedahnya seperti UPSR, PT3. UASA disediakan guru-guru berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan disimpan dalam bank soalan di Lembaga Peperiksaan. Guru muat naik set soalan UASA sekolah masing-masing"

Dr Mohd Azam Ahmad,
Ketua Pengarah Pendidikan



"UASA bukan ujian standard, ia ujian berasaskan sekolah masing-masing. Oleh itu, UPSR untuk ukur tahap penguasaan ilmu pelajar dan proses penyaringan ke sekolah asrama penuh wajar dikembalikan"

Ikmal De Asyraf Wafid Ibrahim,
Pengerusi MABA



Mesyuarat Khas Kabinet hari ini bincang tuntutan pemulangan hak 40 peratus hasil Sabah

Nasional 2

Oleh Mahanum
Abdul Aziz
mahanum_aziz@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kadar inflasi perubatan di Malaysia dijangka meningkat 16 peratus menjelang tahun depan, didorong terutama oleh krisis *brain drain* atau penghijrahan tenaga mahir yang melanda sektor kesihatan negara.

Menurut laporan analisis daripada MBSB Research, Malaysia kini berdepan penghijrahan ketara membabitkan doktor, jururawat dan pakar perubatan ke pasaran luar negara yang menawarkan gaji serta faedah lebih tinggi.

Jelasnya, situasi itu menyumbang kepada peningkatan kos pengambilan dan pengkalan bakat dalam sektor kesihatan swasta tempatan.

Justeru, pihak hospital terpaksa bersaing dengan menawarkan gaji lebih tinggi untuk mengesalkan pekerja mahir dan kos itu dijangka dipindahkan kepada pesakit.

"Bagi penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, kekurangan pekerja akan terus menjadi isu utama. Malaysia berdepan kekurangan doktor, jururawat dan pakar ke pasaran yang berpendapatan tinggi.

"Ini boleh meningkatkan kos pengambilan dan mengesalkan bakat, yang boleh menyumbang kepada jangkaan kadar inflasi perubatan sebanyak 16 peratus menjelang tahun kewangan 2026," katanya dalam nota penyelidikan.

Mengulas lanjut, MBSB Research berkata, cabaran lain termasuk kenaikan harga ubat khusus, terutama GLP-1 untuk merawat diabetes dan obesiti dan biologi lain serta harga bahan farmaseutikal aktif (API).

ia berkata, sama seperti



MALAYSIA kini berdepan kekurangan doktor, jururawat dan pakar ke pasaran yang berpendapatan tinggi.

IMPAK PENGHIJRAHAN TENAGA MAHIR SEKTOR KESIHATAN NEGARA

INFLASI PERUBATAN DIJANGKA NAIK 16%

masalah yang dihadapi di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, kos ubat-ubatan yang tinggi dijangka menyumbang kepada peningkatan inflasi perubatan.

Katanya, harga yang tinggi juga boleh memberi kesan negatif kepada margin bagi pengilang tempatan, kerana mereka menyerap kos input yang lebih tinggi, yang berisiko memerah margin.

Bagi sarung tangan perubatan, ia berkata, walaupun terdapat lebihan bekalan yang berterusan dan risiko ke atas keun-

tungan bagi pengeluaran sarung tangan, trend global peningkatan keluaran penyakit tidak berjangkit (NCD) memberikan kelebihan kepada pengguna sarung tangan iaitu penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pengeluaran ubat.

MBSB Research menjangkakan pendapatan saku ketiga tahun kewangan 2025 untuk sektor penjagaan kesihatan Malaysia akan berpres-

tasi dalam trajektori yang stabil, sama seperti AS dan Eropah.

Pihaknya percaya hospital swasta akan mengekalkan permintaan pesakit yang tinggi, terutama untuk rawatan NCD dan perkhidmatan mewah seperti onkologi, kardiologi dan kesuburan, selain sokongan daripada inisiatif dan

insentif dasar kerajaan yang kritikal dan pelancongan perubatan.

Ia juga men-

jangkakan sektor swasta akan terus mengembangkan kapasitinya untuk memenuhi permintaan itu, justeru pihaknya percaya prestasi perkhidmatan penjagaan kesihatan akan kekal stabil pada suku ketiga 2025.

Sementara itu, bagi farmaseutikal, MBSB Research menjangkakan harga ubat generik kekal kompetitif, terutamanya berbanding import India dan Eropah Timur, yang akan memacu harga jualan tempatan lebih rendah untuk sektor swasta.

Hospital
swasta dipercayai
akan mengekalkan
permintaan pesakit
yang tinggi

Pelbagai langkah perkukuh perkhidmatan awam, kesihatan

Tawau: Kerajaan MADANI melaksanakan pelbagai langkah untuk memperkukuh sistem perkhidmatan awam dan kesihatan di negara ini, termasuk menyelesaikan isu doktor kontrak yang tertangguh sebelum ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, hasil kerjasama di antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), hampir keseluruhan masalah doktor kontrak sudah berjaya diselesaikan.

Beliau berkata, kerajaan turut menaikkan elaun tugas atas panggilan pegawai perubatan sebanyak 40 peratus sebagai langkah awal penambahbaikan skim perkhidmatan sektor kesihatan itu.

Katanya, selain itu, kerajaan juga mengumumkan kenaikan gaji dua kali bagi penjawat awam iaitu pada Disember 2024 dan

Januari 2025, selepas 12 tahun tiada sebarang pelarasan gaji.

"Ramai tanya kenapa bagi banyak sangat kepada penjawat awam. Saya kata, dengar dulu. Sudah 12 tahun tiada kenaikan. Skim baharu ini lebih adil kerana jawatan peringkat rendah dapat kenaikan lebih tinggi berbanding pegawai kanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Blok Baharu Hospital Tawau, di sini semalam. Yang turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Zulkefly Ahmad.

Blok bangunan baharu itu adalah projek di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang disempurnakan Kerajaan MADANI, sekali gus membuktikan komitmen kerajaan dalam menyiapkan projek tertangguh demi kesejahteraan rakyat

Menerusi pelaburan sebanyak RM223.65 juta yang dibiayai Kerajaan Persekutuan, blok baharu itu menambah 154 katil, menjadikan jumlah keseluruhan 585 katil rasmi di Hospital Tawau.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata untuk 2024 sahaja, kerajaan menanggung kos tambahan RM10 bilion bagi pelarasan gaji dan elaun, manakala tahun ini, peruntukan gaji penjawat awam meningkat kepada RM18 bilion sebagai pengiktirafan terhadap jasa mereka.

Pada masa sama, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan mencecah RM17 bilion kepada Sabah, meskipun hasil kutipan cukai dari negeri itu berjumlah kira-kira RM10 bilion setahun, sekali gus menepis dakwaan kerajaan mengambil hasil Sabah tanpa pulangan setimpal.

Perdana Menteri menegaskan, angka itu jelas menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan MADANI dalam memperkasa pembangunan di negeri itu termasuk bidang kesihatan, infrastruktur dan kebajikan rakyat.

"Kerajaan ambil hasil RM10 bilion melalui sistem cukai, tapi bagi balik RM17 bilion kepada Sabah.

"Ini anak muda kena tahu, bukan nak lagakan orang Murut, Kadazan, Bugis, Suluk dan lain-lain, tapi untuk angkat martabat Sabah," katanya.

Menyentuh isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Perdana Menteri menjelaskan kerajaan kini komited melaksanakan bayaran khas kepada Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, hasil rundingan bersama pimpinan kedua-dua negeri.

"Sebelum ini Sabah dan Sa-

rawak hanya terima sekitar RM50 juta hingga RM150 juta setahun.

"Tapi selepas rundingan dalam jawatankuasa yang saya pengerusikan bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Premier Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Openg, kita tambah kepada RM600 juta setahun sebagai bayaran khas sementara (interim)," katanya.

Justeru, Anwar menegaskan keperluan mengekalkan hubungan baik di antara kerajaan negeri dan Persekutuan, khususnya dalam memastikan kelancaran pelaksanaan dasar serta projek pembangunan.

"Sabah mempunyai potensi besar dan harapan tinggi terhadap kerajaan, tapi mesti diurus dengan baik dan mempunyai hubungan kerjasama erat dengan kerajaan Persekutuan," katanya.

Guna label kolagen sebenar elak pengguna keliru

Dr Farah Izana Abdullah,
Pegawai Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Di rak kecantikan, serum berlabel mewah *green caviar* sebagai 'kolagen permata laut' menarik perhatian pengguna dengan slogan 'berasal daripada tumbuhan laut.'

Sekilas pandang, ia nampak seperti kolagen semula jadi daripada sumber dihasilkan daripada tumbuhan laut, namun ia sebenarnya satu bentuk pelabelan salah.

Sebenarnya, tumbuhan laut seperti *green caviar* atau anggur laut tidak menghasilkan kolagen kerana ia hanyalah protein haiwan yang berfungsi mengekalkan keanjalan kulit dan kekuatan tisu.

Produk berlabel *marine plant collagen* sebenarnya mengandungi peptida atau ekstrak tumbuhan yang membantu merangsang penghasilan kolagen dalam badan, tetapi bukan kolagen sebenar.

Sebenarnya, tiada kolagen dihasilkan mana-mana tumbuhan, termasuk tumbuhan marin seperti rumput laut dan alga. Ini kerana kolagen ialah protein struktur yang hanya dihasilkan secara semula jadi oleh haiwan.

Dalam tubuh haiwan, kolagen banyak terdapat dalam tisu penghubung seperti kulit, tulang, rawan dan tendon berperanan memberikan kekuatan, keanjalan serta sokongan kepada tisu ini.

Tumbuhan menggunakan bahan lain seperti pektin, selulosa dan lignin untuk membina dinding sel sertamengekalkan kekukuhan struktur. Bahan-bahan ini sering disalah anggap sebagai 'kolagen tumbuhan', sedangkan ia langsung tiada kaitan dengan kolagen sebenar dari segi struktur mahupun fungsi.

Oleh itu, dari sudut sains, tuntutan sesuatu pro-

duk mengandungi 'kolagen tumbuhan' atau *plant collagen* adalah tidak tepat.

Istilah kolagen tarik pengguna

Dalam industri moden, apabila kita bercakap mengenai kolagen dalam produk makanan tambahan, kosmetik atau farmaseutikal, sumbernya adalah sepenuhnya daripada haiwan.

Bagi kolagen marin, ia biasanya diekstrak daripada ikan khususnya daripada kulit, sisik atau tulangnya serta daripada krustasea seperti udang

“Isu ini lebih penting kerana ia membabitkan ketelusan, etika dan halal dalam pelabelan produk. Produk menggunakan istilah mengelirukan bukan sahaja menimbulkan kekeliruan saintifik, bahkan boleh menjejaskan keyakinan pengguna terhadap kehalalan sesuatu produk”

dan ketam. Kolagen marin menjadi pilihan utama kerana saiz molekulnya lebih kecil, mudah diserap badan dan dikaitkan risiko penyakit lebih rendah berbanding kolagen daripada haiwan darat seperti lembu atau khinzir.

Namun, disebabkan populariti bahan semula jadi dan trend 'berasaskan tumbuhan', banyak pengeluar kini menggunakan istilah seperti *marine plant collagen* atau *vegan collagen* untuk menarik minat pengguna.

Hakikatnya, istilah ini mengelirukan. Apa sebenarnya terkandung dalam produk berkenaan ialah bahan seperti vitamin C, asid amino, peptida atau antioksidan daripada tumbuhan yang membantu merangsang penghasilan kolagen semula jadi dalam tubuh, tetapi bukan kolagen itu sendiri.

Bagi pengguna, isu ini lebih penting kerana ia membabitkan ketelusan, etika dan halal dalam pelabelan produk. Produk menggunakan istilah mengelirukan bukan sahaja menimbulkan kekeliruan saintifik, bahkan boleh menjejaskan keyakinan pengguna terhadap kehalalan sesuatu produk.

Justeru, pengguna perlu lebih berhati-hati dan teliti membaca label sebelum membeli produk yang didakwa mengandungi kolagen. Pilih produk menyatakan sumber kolagennya dan jika boleh, yang mempunyai pengesahan halal daripada badan berautoriti.

